

Hidup sengsara di zaman Jepun

8/7/2007

JEPUN menjajah Tanah Melayu selama hampir empat tahun dan sepanjang tempoh itu penduduk merasai kekejaman askar penjajah itu yang tidak teragak-agak untuk menyiksa dan membunuh sesiapa saja yang menentang mereka.

Penduduk mula merasai peritnya hidup di bawah pemerintahan kuku besi Jepun yang lebih kejam dan tidak berperikemanusiaan berbanding British. Mereka diperlakukan bagai hamba abdi dan haiwan, jika masih hidup.

Askar Jepun pimpinan Leftenan Jeneral Tomoyuki Yamashita yang digelar 'Harimau Malaya' dikatakan gemar melakukan 'upacara' memotong kepala dan penyembelihan beramai-ramai terhadap rakyat tidak berdosa.

Malah, di Kampung Parit Tinggi, Kuala Pilah, Negeri Sembilan, lebih 800 orang dibunuh dalam masa dua hari dengan pelbagai cara tidak berperikemanusiaan. Ada yang disiksa di hadapan ayah, ibu, anak-anak, isteri atau suami masing-masing.

Penduduk ditikam dengan bayonet, dipaksa minum air sabun, dicampak ke dalam perigi dan paling menyayat hati, seorang ibu hamil dilapah perut sehingga kaki bayi dikandungnya terjulur keluar.

Rakyat benar-benar sengsara dan hidup dalam ketakutan sepanjang penjajahan British. Ekonomi di Tanah Melayu merosot seterusnya lumpuh sepanjang pentadbiran tentera yang diamalkan Jepun di negara ini.

Jepun memperkenalkan mata wang mereka untuk digunakan di Tanah Melayu tetapi pengeluarannya yang tidak terkawal menyebabkan nilai mata wang itu rendah manakala harga barang makanan menjadi mahal.

Sepanjang tempoh 1942 hingga 1946, sebanyak 72,000 penduduk menjadi buruh paksa bagi membina Landasan Kereta Api Maut sepanjang 415 kilometer dari Thailand ke Myanmar, namun hanya kira-kira 30,000 orang saja selamat pulang manakala selebihnya hilang dipercayai mati.

Jepun juga menubuhkan pelbagai pasukan bagi merekrut penduduk tempatan menjadi sekutu atau bekerja dengan mereka antaranya Pasukan Khas Tempatan (Giyugun), Pasukan Pertahanan Awam (Jikeidan) dan Pasukan Sukarelawan Tambahan (Heiho).

Pendidikan Jepun diperkenalkan bagi memastikan budaya Nippon diamalkan penduduk dan budaya Inggeris yang diperkenalkan British sebelum itu dihapuskan. Penduduk diajar menyanyikan lagu kebangsaan Jepun iaitu *Kimigayo*, menundukkan kepala apabila bertemu dan mempelajari bahasa Jepun. Penggunaan bahasa Inggeris pula diharamkan.

Penjajahan dan penindasan Jepun menyebabkan terdapat beberapa penduduk bangkit menentang terutama secara gerila. Orang Cina paling dahsyat ditindas berikutan permusuhan tradisi Jepun dengan China. Penindasan itu menyebabkan beribu penduduk Cina melarikan diri ke pinggir hutan, seterusnya hasutan Parti Komunis Malaya (PKM) menyebabkan penduduk Cina menubuhkan Malayan People's Anti Japanese Army (MPAJA).

Orang Melayu pula menyertai askar gerila Melayu iaitu Force 136 yang ditubuhkan British bagi mengumpulkan penduduk tempatan untuk menentang penjajah itu.

Pagi 6 Ogos 1945, pesawat Superfortress Amerika Syarikat menggugurkan bom atom di Hiroshima, sebagai serangan balas terhadap pangkalan Pearl Harbour yang dilakukan Jepun pada 8 Disember 1941.

Tiga hari kemudian bom atom kedua digugurkan di Nagasaki.

Kemusnahan besar yang dialami di negara mereka menyebabkan tentera Jepun menyerah kalah di Tanah Melayu pada 12 September 1945.